

# Naik 63 peratus

## Petaling kes denggi tertinggi

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

**KUALA SELANGOR** - Kerajaan negeri giat melaksanakan kempen kawalan denggi secara berperingkat termasuk Program Gempur Aedes serentak seluruh Selangor, semalam dalam usaha menurunkan kadar kes denggi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi



DR DAROYAH

negeri, Dr Daroyah Alwi berkata, kes denggi tahun ini mencatatkan peningkatan lebih 10,000 kes atau 63 peratus berbanding 18,268 kes tempoh sama tahun lalu (2012)

Menurutnya, 29,754 kes denggi dilaporkan seluruh negara dari Januari hingga 2 November tahun ini dan 409 lokasi aktif denggi dipantau berikutan jumlah tercatat paling tinggi pernah dilaporkan setakat ini.

"Sebanyak 327 kawasan *hotspot* dilaporkan di Selangor, 36 di Johor, 15 di Kuala Lumpur dan Putrajaya, 10 di Perak, enam di Pulau Pinang, lima di Negeri Sembilan, empat di Melaka, tiga di Pahang serta masing-masing satu di Kedah, Terengganu dan Sarawak.

"Saya lihat, Selangor menjuarainya dengan menyumbang 50 peratus kes di negara ini dengan 43 *hotspot* dilaporkan manakala 16 kematian dilaporkan berlaku," katanya ketika merasmikan Program Gempur Aedes Daerah Kuala Selangor, semalam.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Dun Bukit Malawati, S Manikavasagam dan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin.

Dr Daroyah berkata, empat daerah mencatatkan kes tertinggi iaitu Petaling dengan 5,433 kes dan lapan kematian diikuti Hulu

Langat dengan 3,769 kes dan tiga kematian, Gombak 2,161 kes dan satu kematian dan diikuti Klang dengan 1,716 kes dan mencatatkan 1 kematian sehingga Oktober lalu.

Katanya, bagi mengatasi perkara ini mesyuarat berhubung isu kawalan denggi melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta 12 pihak ber-

kuasa tempatan (PBT) diadakan pada 31 Oktober lalu.

"Kita juga bersetuju melaksanakan Program Gempur Aedes serentak hari ini di seluruh PBT dan akan menumpukan aktiviti gotong royong di kawasan hotspot.

"Bagi memastikan kempen ini efektif, kerajaan negeri merancang agar kempen dijalankan berperingkat iaitu minggu kedua (11 November hingga 15 November) melibatkan kawasan komersial, rumah kedai dan kawasan tumpuan ramai.

"Minggu ketiga iaitu 18 November hingga 22 November akan melibatkan kawasan pangsapuri dan bangunan serata manakala minggu keempat iaitu pada 25 November hingga 29 November akan melibatkan kawasan kediaman," katanya.

Pada masa sama beliau yang juga Adun Sementa itu berkata, sikap tanggungjawab dalam kalangan masyarakat sangat diharapkan bagi memastikan persekitaran sentiasa bersih daripada denggi.

"Semburan racun serangga sahaja tidak akan berkesan untuk mengurangkan bilangan Aedes jika tidak diteruskan dengan pemusnahan tempat pembiakannya.

"Kesungguhan masyarakat menjaga kebersihan dan memastikan tiada tempat pembiakan di persekitaran mereka, secara berterusan sangat penting," katanya.